



15 FEB, 2024

Rampas 15kg tikus salai di KLIA

Sinar Harian, Malaysia



Rampas 15kg tikus salai di KLIA

Penumpang ditahan
sebaik barangan
dikesan melalui
mesin pengimbas
JKDM

Oleh MUHAMMAD AFHAM
RAMLI
SEPANG

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menggagalkan cubaan seorang lelaki warga asing membawa masuk tikus salai seberat 15 kilogram (kg) di Lapangan Terbang Antarabangsa

Kuala Lumpur (KLIA) pada Isnin lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Mohd Sobri Md Hashim berkata, barangan itu dibawa masuk tanpa kebenaran dan menyalahi undang-undang.

"Produk ini dikesan ketika pemeriksaan bagasi penumpang menerusi mesin pengimbas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dari Myanmar.

"Rampasan dianggarkan bernilai RM300 ditemui sebaik pemeriksaan pegawai Maqis," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, perbuatan mengimport keluaran hasilan haiwan tanpa permit sah adalah menjadi kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan

Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia

2011 (Akta 728) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama.

Jelasnya, individu berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Tambahnya, Maqis sentiasa mengambil langkah serius dalam isu dagangan bersama agensi penguatkuasaan di sempadan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam sektor pertanian negara.

"Semua sedia maklum, tikus boleh menyebabkan penyakit berjangkit secara langsung dan



Pegawai Maqis menunjukkan tikus salai yang dirampas di KLIA.

tidak langsung.

"Sehubungan itu, tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa

bagi memastikan kawalan penyakit haiwan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara," katanya.



15 FEB, 2024

Rampas 15kg tikus salai di KLIA

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Penumpang ditahan sebaik barangan dikesan melalui mesin pengimbas JKDM

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menggagalkan cubaan seorang lelaki warga asing membawa masuk tikus salai seberat 15 kilogram (kg) di Lapangan Terbang Antarabangsa

Kuala Lumpur (KLIA) pada Isnin lalu. Pengarah Maqis Selangor, Mohd Sobri Md Hashim berkata, barangan itu dibawa masuk tanpa kebenaran dan menyalahi undangundang. “Produk ini dikesan ketika pemeriksaan bagasi penumpang menerusi mesin pengimbas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dari Myanmar.